

13 MAR 2003

KWSP-KETAT/I

KERAJAAN MAHU PERKETAT AKTA DAN PENTADBIRAN KWSP

PETALING JAYA, 13 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan memperketatkan Akta dan pentadbiran berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam usaha untuk mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap agensi itu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Chan Kong Choy berkata, walaupun kes pengeluaran caruman secara haram tidak `serius', namun kerajaan tetap akan mengkaji kelemahan-kelemahan yang ada pada Akta dan aspek pentadbiran KWSP.

"Kita sekarang sedang mengkaji semua kelemahan yang ada. Kita akan memperketatkan Akta dan pentadbiran, tetapi pada keseluruhannya, KWSP masih diuruskan dengan amat baik," katanya.

"Jika kita perlu pinda undang-undang, kita akan pinda," ujar beliau.

Chan berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan anugerah kepada Public Bank yang terpilih sebagai bank komersil terbaik di Malaysia bagi tahun 2002 oleh majalah `The Asset', sebuah penerbitan kewangan antarabangsa yang beribu pejabat di Hong Kong.

Semalam, pengerusi KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata bahawa satu laporan terperinci mengenai penipuan dalam pengeluaran caruman KWSP akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ahad lalu, Abdullah telah mengarahkan KWSP supaya menyiasat penipuan dalam pengeluaran caruman agensi itu secara menyeluruh dan tidak mahu ada kompromi bagi mengheret mereka yang melakukan kesalahan itu ke muka pengadilan.

Dalam satu komplot yang dikesan bulan lalu, seorang wanita yang menggunakan kad pengenalan palsu cuba mengeluarkan sejumlah RM90,000 secara tunai dan sejumlah RM60,000 lagi melalui deraf bank daripada akaun penerima manfaat seorang pencarum KWSP.

Terdahulu, dalam ucapannya, Chan menyeru institusi perbankan supaya memberikan keutamaan kepada usaha memenuhi keperluan kewangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Katanya, selain daripada memberikan pinjaman, pihak bank juga boleh mengadakan perkhidmatan tambahan serta mengendalikan latihan dan bengkel bagi PKS.

"PKS yang ada kaitan secara meluas dengan pelbagai segmen ekonomi, mempunyai tugas yang penting dalam mengekalkan lajakan pertumbuhan ekonomi," tegas beliau.

Dalam tahun 2002, permohonan daripada PKS berjumlah RM47.2 bilion dan daripada jumlah ini, RM29.8 bilion atau 63 peratus telah diluluskan oleh sistem perbankan.

Chan juga berkata, walaupun peperangan mungkin meletus di Iraq, namun pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia akan dikekalkan sekurang-kurangnya pada tahap tahun lalu.

Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK yang kukuh sebanyak 4.2 peratus tahun lalu. -- BERNAMA

LES KTC KY OS